



PASU MINI



Tembikar tradisional ialah bekas yang diperbuat daripada bahan tanah liat dan mempunyai fungsi tertentu. Tembikar akan dibakar melalui kaedah pembakaran secara tradisional atau secara tanur sebelum digunakan. Negeri Perak, Pahang, Kelantan dan Sarawak adalah antara negeri yang terkenal dengan pembuatan tembikar tradisional. Di Pahang, terenang terkenal sebagai tembikar yang berfungsi sebagai bekas untuk menyimpan air.

Motif rupa organik pada terenang disusun secara berulang untuk menghasilkan corak.

Terenang mempunyai bentuk konkrit bersifat tiga dimensi yang boleh disentuh dan dilihat.

Terenang mempunyai imbangan simetri apabila diletakkan garisan paksi di tengah-tengah.

Nama bahagian pada tembikar terenang

Kepala

Bibir

Leher

Dada

Badan

Pelapik



Tembikar terenang

Penegasan pada terenang ialah susunan corak pelbagai motif yang diletakkan pada bahagian tertentu seperti di bahagian kepala, bibir, dada dan pelapik.

Galeri Tembikar Tradisional

Selain terenang, terdapat pelbagai jenis rekaan dan fungsi tembikar tradisional tempatan.

Bekas Air



Buyung Labu

Bekas Makanan



Belanga Periuk tanah

Perasapan



Bekas kemenyan Bekas bara

Jambangan



Bekas bunga

Pelbagai media, teknik dan jenis ragam hias yang digunakan untuk menghiasi tembikar tradisional tempatan.

Media dan Teknik	Cara Penghasilan	Hasil
 Kayu tera	Kayu tera ditekan pada permukaan tembikar untuk menghasilkan motif dan corak.	 Terapan
 Tanah	Teknik ini dibuat dengan menampal tanah liat untuk membentuk motif.	 Timbul
 Alat mengguris	Permukaan tembikar akan diguris untuk menghasilkan motif.	 Gurisan
 Pembakaran	Kesan pembakaran boleh menghasilkan warna hitam pada tembikar.	 Warna



INFORMASI

Encik Muhammad bin Zakaria ialah pengusaha tembikar terenang yang masih aktif di negeri Pahang. Beliau berkebolehan menghasilkan tembikar terenang dengan kaedah tradisional dan moden.



- Bimbing murid mengenal pasti jenis rekaan dan dekorasi tembikar tradisional tempatan.
- Bimbing murid menginterpretasikan bahasa seni visual (bentuk, rupa, imbalan, penegasan) pada contoh karya.

EMK: Patriotisme

: Menganalisis




PAK-21: Sama-Beza (Same-Different)



LIVEWORKSHEETS

Eksplorasi Tembikar

Mari teroka kaedah penghasilan tembikar menggunakan teknik dan bahan berikut.

Bahan	Teknik	Hasil
 Doh Doh dihasilkan dengan menggunakan tepung. Doh mudah dibentuk kerana sifatnya yang lembut.	 Picitan	
 Paper clay Paper clay bertekstur seperti tanah dan mudah dibentuk. Bahan ini dibiarkan mengeras pada suhu bilik.	 Lingkar	
 Modelling clay Modelling clay mudah dibentuk dan diukir kerana sifatnya yang lembut. Bahan ini terdapat dalam pelbagai warna.	 Kepingan	
 Polimer lembut Polimer lembut bersifat lembut dan mudah mengeras pada suhu bilik. Bahan ini terdapat dalam pelbagai warna.	 Acuan	

Bentuk tembikar yang pelbagai berfungsi sebagai bekas makanan, minuman dan hiasan rumah.



Teroka Motif dan Ragam Hias

Mari gunakan pelbagai jenis media dan teknik hiasan untuk membuat ragam hias pada permukaan tembikar.

Media	Teknik	Kesan	Hasil
 Kuku	Terapan		
 Kulit kerang			
 Penutup botol			
 Garpu			
 Pencungkil gigi	Gurisan		
 Mata pen			
 Cat poster	Warna		
 Paper clay	Timbul		



- Bersoal jawab dengan murid tentang bahasa seni visual (bentuk, rupa,imbangan, penegasan) semasa membuat penerokaan.
- Minta murid meneroka pelbagai media dan teknik semasa proses penghasilan tembikar.

EMK: Nilai Murni

 : Mengaplikasi

 PAK-21: Tinjau Kongsi

 Room the Room



LIVEWORKSHEETS

Pasu Mini

Mari hasilkan pasu mini menggunakan teknik lingkaran.

A. Perkembangan Idea

1. Contoh Hal Benda



Pasu

2. Lakaran Idea



Lakaran 1



Lakaran 2




Lakaran 3 (pilihan)

B. Penentuan Bahan

Pilih jenis media dan teknik ragam hias yang sesuai.

Teknik lingkaran

Ragam hias



Teknik terapan
• garpu plastik

Teknik timbul

Teknik warna
• cat poster

Paper clay

C. Penghasilan Karya

Membentuk Tembikar



1

Uli *paper clay* menjadi bebola dan gelek dengan menggunakan penggelek untuk menghasilkan tapak tembikar.



2

Gunakan gelas sebagai panduan tapak tembikar yang lebih tepat.



3

Bentukkan doh mengikut panjang lingkaran yang dikehendaki.